

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN ABDULLAH**  
**[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN : 266**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [ Petaling Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan senarai ahli Lembaga Pencegahan Jenayah dan Lembaga Pencegahan Keganasan, jumlah pegawai inkuiiri yang bertugas untuk menyediakan laporan kepada kedua-dua Lembaga tersebut serta menjelaskan sama ada jumlah pegawai inkuiiri mencukupi untuk mengendalikan kes.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seksyen 7B Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) memperuntukkan bahawa;

- 1) Suatu Lembaga Pencegahan Jenayah ditubuhkan yang terdiri daripada anggota berikut yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong:
  - a) seorang Pengerusi, yang hendaklah seseorang yang berkelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya lima belas tahun dalam bidang undang-undang;
  - b) seorang Timbalan Pengerusi; dan
  - c) tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam anggota lain.

- 2) Setakat ini, terdapat seramai 5 orang Ahli Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) berkelayakan yang telah dilantik untuk melaksanakan fungsi termaktub di bawah Akta 297.
- 3) Manakala Pengerusi LPJ adalah seorang pegawai yang mempunyai pengalaman selama 33 tahun sebagai pegawai kehakiman dan perundangan.

Seksyen 8 Akta Pencegahan Keganasan 2015 (Akta 769) memperuntukkan bahawa:

- 1) Suatu Lembaga Pencegahan Keganasan ditubuhkan yang terdiri daripada anggota berikut yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong:
  - a) seorang Pengerusi, yang hendaklah seseorang yang berkelayakan undang-undang dengan pengalaman sekurang-kurangnya lima belas tahun dalam bidang undang-undang;
  - b) seorang Timbalan Pengerusi; dan
  - c) tidak kurang daripada tiga dan tidak lebih daripada enam anggota lain.
- 2) Setakat ini, terdapat seramai 5 orang Ahli Lembaga Pencegahan Keganasan (LPK) berkelayakan yang telah dilantik untuk melaksanakan fungsi termaktub di bawah Akta 769.
- 3) Manakala Pengerusi LPK adalah seorang bekas Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi yang mempunyai 26 tahun pengalaman undang-undang dan kehakiman, selain tiga (3) tahun sebagai Profesor undang-undang di Universiti Teknologi Malaysia.

## **SOALAN NO : 266**

Pada masa ini, seramai 44 orang pegawai telah diwartakan sebagai pegawai inkuiiri di bawah seksyen 8 Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA), termasuk seramai 13 orang pegawai dilantik sebagai pegawai inkuiiri di bawah seksyen 9(1) Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA).

Daripada jumlah tersebut, pegawai yang masih menjalankan tugas sebagai pegawai inkuiiri di bawah POCA adalah seramai 14 orang, termasuk 10 orang di bawah POTA. Baki pegawai seramai 30 orang tidak lagi menjalankan tugas sebagai pegawai inkuiiri di bawah kedua-dua akta berkenaan kerana telah bertukar ke jabatan-jabatan lain atau tidak lagi berkhidmat dengan Kerajaan.

Kementerian berpandangan, buat masa ini bilangan pegawai inkuiiri sedia ada adalah mencukupi untuk menyediakan laporan kepada kedua-dua Lembaga Pencegahan Jenayah dan Lembaga Pencegahan Keganasan.